

SOMIN TABLET

Dexchlorpheniramine Maleate (2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SOMIN TABLET
2. Bagaimana SOMIN TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan SOMIN TABLET
4. Cara menggunakan SOMIN TABLET
5. Semasa menggunakan SOMIN TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SOMIN TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan SOMIN TABLET

SOMIN TABLET digunakan untuk melegakan simptom-simptom seperti mata merah, berair, gatal; bersin; hidung atau tekak berasa gatal; dan hidung berair yang disebabkan oleh alahan, demam jerami atau selesema biasa. Ubat ini digunakan untuk melegakan reaksi alahan kepada darah atau plasma dan merawat urtikaria, keadaan kulit yang dicirikan oleh simptom-simptom seperti bengkak, kemerahan dan kegatalan. Ia juga digunakan sebagai rawatan sampingan untuk tindak balas anafilaksis yang dikawal oleh epinefrin dan langkah lain yang standard.

Bagaimana SOMIN TABLET berfungsi

SOMIN TABLET merupakan ubat antihistamina yang mempunyai sifat antikolinergik. Ubat ini berfungsi menyekat tindakan histamina, bahan biologi rembesan badan yang menyebabkan simptom-simptom kegatalan mata atau hidung, bersin, mata berair dan hidung berair.

Sebelum menggunakan SOMIN TABLET

- Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh mengambil SOMIN TABLET jika anda alah terhadap *Dexchlorpheniramine Maleate*. Tanda-tanda alahan termasuk gatal, sesak nafas dan bengkak bibir, lidah, tekak atau muka.

- Sebelum mula menggunakan SOMIN TABLET

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi mengenai pengambilan SOMIN TABLET pada perempuan mengandung atau menyusukan bayi, pesakit asma akut, bayi tidak cukup bulan dan neonates.

Beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda alah kepada ubat-ubatan atau anda mempunyai masalah kesihatan seperti berikut:

- Glaukoma sudut sempit (peningkatan tekanan di dalam mata)
- Penahanan kencing dan
- Hipertrofi prostat (pembesaran kelenjar prostat)
- Sejarah asma bronkial
- Hipertiroidisme (peningkatan hormon tiroid)
- Penyakit kardiovaskular (jantung)
- Tekanan darah tinggi

- Jika mengambil ubat-ubat lain

SOMIN TABLET boleh menyebabkan kesan yang tidak diingini jika ia digunakan dengan *monoamine oxidase inhibitor* (antidepresan), *tricyclic antidepressants* (antidepresan), barbiturat (ubat anti-keresahan dan hipnotik) dan alkohol.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat-ubatan tersebut atau ubat lain, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

Cara menggunakan SOMIN TABLET

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 2mg setiap empat ke enam jam seperti yang diperlukan.

Kanak-kanak: 2 hingga 5 tahun: 0.5mg setiap empat ke enam jam sehingga maksimum 3mg dalam masa 24 jam.

6 hingga 11 tahun: 1.0mg setiap empat ke enam jam sehingga maksimum 6mg dalam masa 24 jam.

- Bila perlu digunakan

SOMIN TABLET perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

- Berapa lama perlu digunakan

SOMIN TABLET perlu diambil dengan tetap dan selama mana mengikut nasihat doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan tekanan darah rendah.

Semasa menggunakan SOMIN TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan doktor anda semasa mengambil SOMIN TABLET.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan SOMIN TABLET.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi SOMIN TABLET dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

SOMIN TABLET boleh meyebabkan kesan sampingan yang mengganggu pemikiran dan tindak balas anda. Berhati-hati jika anda hendak memandu atau melakukan apa-apa yang memerlukan anda berwaspada dan berjaga selepas makan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

SOMIN TABLET mungkin akan menyebabkan rasa mengantuk, pening dan ketakselarasan. Ia juga boleh menyebabkan gangguan gastrousus seperti loya, muntah, cirit birit atau sembelit, anoreksia atau peningkatan selera makan dan kesakitan epigastrik. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan SOMIN TABLET

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

SOMIN TABLET adalah tablet bulat yang berwarna merah jambu dengan diameter 6.4mm yang ditandakan dengan "C" pada satu permukaan dan skor pada permukaan yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Dexchlorpheniramine Maleate

- Bahan tidak aktif

Microcrystalline cellulose

Starch

Sodium Starch Glycolate

Colloidal Silicon Dioxide

Talc

Polyethylene Glycol

Magnesium aluminometasilicate

Food Red No. 6

- Nombor MAL

MAL19940294A

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23 Oktober 2015

Nombor Siri:

BPFK(R4/1)051015/00332